



**Perbadanan Insurans Deposit Malaysia  
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia**



**RANCANGAN KORPORAT 2012 - 2014**



Sebatang buluh tunggal dan jati tetap boleh menunjukkan daya ketahanan, kebolehsesuaian serta kekuatan, dengan keupayaan semula jadi menghadapi persekitaran yang penuh kepayahan. Kualiti sedemikian juga jelas terbukti di PIDM, apabila dipertanggungjawabkan dengan mandat tambahan bagi mentadbir sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans, sekaligus merupakan suatu langkah transformasi daripada penginsurans deposit nasional kepada sebuah organisasi perlindungan konsumen kewangan yang lebih luas.

Sebagai salah satu ahli utama dalam sistem jaringan keselamatan kewangan, PIDM bekerjasama rapat dengan peserta jaringan keselamatan kewangan yang lain bagi mengekalkan kestabilan sistem kewangan di Malaysia. Seperti buluh, apabila terikat bersama memberi kekuatan yang lebih kukuh dan jitu justeru, kerjasama erat antara peserta jaringan keselamatan kewangan merupakan kunci bagi memastikan kepentingan konsumen kewangan dilindungi.





PIDM mengutamakan pengurusan bertanggungjawab dalam setiap aspek operasi kami. Ini jelas terbukti daripada penggunaan kertas mesra alam yang dipilih khas untuk penerbitan Rancangan Korporat ini. Kertas ini disahkan oleh *Forest Stewardship Council (FSC)*, iaitu organisasi antarabangsa yang menyokong pawaian tertinggi dalam pengurusan hutan.



## VISI KAMI

- Menjadi organisasi perlindungan konsumen kewangan dengan amalan terbaik

## MISI KAMI

Kami berusaha menggalak dan menyumbang kepada keyakinan awam terhadap kestabilan sistem kewangan negara dengan:

- melindungi deposit Islam dan konvensional;
- melindungi manfaat takaful dan insurans; dan
- memenuhi mandat perlindungan konsumen kewangan kami dengan cara yang efisien dan efektif, dengan mengambil kira kepentingan pemegang kepentingan utama dan kakitangan kami.

## TERAS STRATEGIK KAMI

- Tadbir urus yang mantap
- Kesediaan dan kecemerlangan operasi
- Keyakinan awam terhadap sistem kewangan

## NILAI KORPORAT KAMI

- Pengelolaan Kewangan yang Berhemat
- Kecemerlangan dan Profesionalisme
- Hormat dan Adil
- Integriti dan Kebolehpercayaan
- Komunikasi dan Kerja Berpasukan

## OBJEKTIF KORPORAT KAMI

- Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat
- Perkongsian efektif
- Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik
- Penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta keupayaan resolusi yang kukuh
- Amalan urusan dan kewangan yang mantap
- Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan
- Persekitaran korporat yang kondusif



## Anugerah dan Pengiktirafan

Berpandukan misi dan visi, PIDM mencapai kemajuan besar sejak penubuhannya pada 2005. Dengan semangat kerja berpasukan yang tinggi dan budaya kecemerlangan, Perbadanan maju ke tahap yang lebih tinggi ke arah pengiktirafan sebagai organisasi perlindungan konsumer kewangan dengan amalan terbaik.

### **Anugerah Organisasi Insurans Deposit Terbaik 2011 Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa**

Usaha berterusan PIDM dalam pementapan dan penggunaan pakai amalan terbaik telah membuahkan hasil dengan penerimaan anugerah ini daripada Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa. Penerimaan anugerah ini merupakan pengiktirafan bagi pencapaian dan sumbangan PIDM dalam bidang insurans deposit di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Dalam ucapan beliau di majlis penyampaian anugerah itu, Presiden Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa, Martin Gruenberg, berkata:

***“PIDM dipilih sebagai penerima Anugerah Organisasi Insurans Deposit Terbaik tahun ini hasil daripada pencapaiannya dalam mengukuhkan sistem insurans deposit dan sumbangannya kepada kestabilan kewangan di Malaysia. PIDM diberi pengiktirafan atas kesediaannya untuk berkongsi pengetahuan dan sokongan dalam menyediakan latihan kepada ahli Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa lain, dan menerusi semua usahanya dalam membantu mencapai objektif Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa.”***

### **NACRA 2011 Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam**

PIDM menerima Anugerah “Laporan Tahunan Terbaik Organisasi Bukan Senaraian Awam” daripada Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (*National Annual Corporate Report Awards – NACRA*) bagi tahun ketiga berturut-turut. Anugerah ini merupakan pengiktirafan atas kejayaan mencapai penanda aras NACRA bagi piawaian tadbir urus tinggi, kecemerlangan dalam pelaporan korporat dari segi piawaian ketelusan dan pendedahan maklumat tinggi serta kebertanggungjawaban korporat yang baik.

Kejayaan memenangi pengiktirafan berprestij ini untuk tiga tahun berturut-turut merupakan bukti lanjutan usaha berterusan kami untuk meningkatkan kualiti pendedahan dan pelaporan kami.

# Isi Kandungan

<b>Ringkasan Rancangan Korporat 2012 - 2014</b>	<b>5</b>
<hr/>	
<b>Pendekatan Perancangan Strategik Kami</b>	<b>7</b>
Rangka Kerja Pengurusan Strategik	7
Nilai Korporat	8
Teras Strategik	9
Objektif Korporat	10
Peta Strategi	11
<hr/>	
<b>Prestasi Berbanding Dengan Rancangan Korporat Tahun Sebelumnya</b>	<b>13</b>
Sorotan Pencapaian Kami Bagi Rancangan Korporat 2011 - 2013	13
Imbasan Kad Skor Korporat 2011	15
Prestasi Kewangan Lepas – Tahun 2011	19
<hr/>	
<b>Rancangan Tiga Tahun Kami 2012 - 2014</b>	<b>22</b>
Persekitaran Operasi	22
Ulasan Pengurusan Risiko Organisasi	23
Andaian Perancangan Utama	24
Hala Tuju Strategik	24
Kad Skor Korporat 2012 - 2014	27
Rancangan Kewangan 2012	29
<hr/>	
<b>Kesimpulan</b>	<b>32</b>
Halangan Pencapaian Rancangan Korporat	32
Ringkasan	32
<hr/>	
<b>Lampiran: Mengenai PIDM</b>	<b>34</b>
Mengenai Perbadanan	34
Mandat Kami	34
Institusi Ahli Kami	35
Lembaga Pengarah	36
Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif	37
Hubungi Kami	38

# Ringkasan Rancangan Korporat 2012 - 2014

Rancangan Korporat Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) menggariskan hala tuju strategik, fokus dan keutamaan kami yang disokong dengan rancangan kewangan bagi 2012. Dengan menyelaraskan inisiatif dirancang ini kepada hala tuju strategik dan objektif korporat kami, Rancangan Korporat tiga tahun ini berfungsi sebagai panduan utama untuk memastikan mandat kami dapat dipenuhi dengan efektif dan efisien dan menggerakkan kami kepada visi kami untuk menjadi organisasi perlindungan konsumen kewangan dengan amalan terbaik.

Seperti tahun-tahun sebelum ini, kami mengguna pakai pendekatan bersepadu dalam membangunkan Rancangan Korporat kami, yang mana kami mengenal pasti dan menilai cabaran dan risiko utama yang dihadapi PIDM, dengan menggunakan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi. Kami juga terus mengguna pakai pendekatan perancangan senario dengan matlamat dapat bertindak secara efektif sekiranya berlaku intervensi dalam sesebuah institusi ahli yang bermasalah yang boleh menjadi halangan kepada rancangan kami yang telah diluluskan.

## **Pencapaian Kami pada 2011**

---

Kami menyempurnakan majoriti inisiatif utama kami yang dirancang termasuk pelbagai inisiatif berkaitan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang telah mengukuhkan asas kami dalam memastikan mandat kami yang telah diperluaskan dipenuhi. Selain itu, Perbadanan juga menerima “Anugerah Organisasi Insurans Deposit Terbaik 2011” daripada Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa. Secara ringkasnya, semua inisiatif ini berjaya disempurnakan mengikut rancangan kewangan yang diluluskan, dengan pengecualian lima inisiatif yang telah ditangguhkan.

## **Rancangan Kami pada Masa Hadapan**

---

Hala tuju strategik yang dilaksanakan oleh PIDM adalah penting untuk mencapai mandat, visi dan misi Perbadanan secara efektif dan efisien ke arah menyumbang kepada menggalak dan mengekalkan keyakinan awam terhadap sistem kewangan kita. Pada masa hadapan, kami akan mengukuhkan usaha kami dalam beberapa bidang utama, termasuk:

- meningkatkan kapasiti dan keupayaan organisasi dengan menumpukan kepada kecekapan kakitangan;
- mengukuhkan kesediaan operasi Perbadanan;
- menggalakkan kesedaran awam dan pendidikan; dan
- terus membangunkan dan menyediakan polisi, proses, sistem dan infrastruktur yang perlu bagi operasi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans di samping memantapkan amalan Sistem Insurans Deposit yang sedia ada.

## **Kesimpulan**

---

Melangkah ke tahun ketujuh operasi kami, usaha, pencapaian dan sumbangan kami semakin mendapat pengiktirafan di dalam dan luar negara, seperti mana yang terbukti dengan penerimaan “Anugerah Organisasi Insurans Deposit Terbaik 2011”, daripada Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa. Kami akan terus mendukung piawaian tinggi merangkumi aspek utama tadbir urus, tata laku etika, nilai korporat serta kapasiti operasi seperti polisi dan proses, sistem dan infrastruktur. Bagi tujuan ini, kami akan berusaha mencapai inisiatif yang digariskan dalam Rancangan Korporat ini dengan menumpukan usaha dan sumber bagi mengukuhkan kesediaan Perbadanan dalam menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.



Pendekatan Perancangan **Strategik** Kami





# Pendekatan Perancangan **Strategik** Kami

## Rangka Kerja Pengurusan Strategik

PIDM membangunkan dan mengekalkan rancangan dinamik tiga tahun yang menggariskan objektif, hala tuju strategik, inisiatif sokongan dan sasaran masing-masing. Dalam membangunkan Rancangan Korporat, PIDM mengkaji semula dan memperhalusi elemen-elemen rangka kerja pengurusan strategik dan takrifannya. Kami terus mengguna pakai rangka kerja pengurusan strategik menyeluruh, yang merangkumi tinjauan persekitaran luaran operasi kami serta pengenalpastian dan penilaian risiko utama Perbadanan dengan menggunakan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi. Dengan itu, kami berupaya menyelaraskan andaian perancangan yang menjadi asas kepada rancangan kami.

Proses perancangan strategik memerlukan pertimbangan kami dari segi:

- persekitaran luaran dan dalaman operasi Perbadanan;
- andaian perancangan utama bagi tempoh perancangan tersebut;
- hala tuju strategik dan inisiatif korporat yang akan dilaksanakan semasa tempoh perancangan tersebut;
- bajet yang diperlukan bagi menyokong inisiatif korporat; dan
- hasil yang ingin dicapai Perbadanan.

Gambaran keseluruhan rangka kerja pengurusan strategik kami adalah seperti berikut.



### Mandat

Matlamat Perbadanan adalah untuk:

- a) mentadbir sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans;
- b) menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit dan menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans;
- c) menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- d) menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Dalam mencapai matlamat di bawah perenggan (b) dan (d), Perbadanan akan bertindak dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

### Visi

Menjadi organisasi perlindungan konsumen kewangan dengan amalan terbaik.

### Misi

Kami berusaha menggalak dan menyumbang kepada keyakinan awam terhadap kestabilan sistem kewangan negara dengan;

- melindungi deposit Islam dan konvensional;
- melindungi manfaat takaful dan insurans; dan
- memenuhi mandat perlindungan konsumen kewangan kami secara efektif dan efisien, dengan mengambil kira kepentingan pemegang kepentingan utama dan kakitangan kami.

### Nilai Korporat

- Pengelolaan Kewangan yang Berhemat
- Kecemerlangan dan Profesionalisme
- Hormat dan Adil
- Integriti dan Kebolehpercayaan
- Komunikasi dan Kerja Berpasukan

### Teras Strategik

- Tadbir urus yang mantap
- Kesediaan dan kecemerlangan operasi
- Keyakinan awam terhadap sistem kewangan

### Objektif Korporat

- Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat
- Perkongsian efektif
- Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik
- Penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta keupayaan resolusi yang kukuh
- Amalan urusan dan kewangan yang mantap
- Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan
- Persekitaran korporat yang kondusif

Piramid pengurusan strategik di atas menunjukkan cara kami membangunkan Rancangan Korporat dengan menyelaraskan inisiatif terhadap objektif korporat dan teras strategik bagi mencapai visi dan misi kami ke arah memenuhi mandat kami. Rejim kebertanggungjawaban dan pelaporan di bahagian paling bawah piramid memerlukan pemantauan dan pelaporan kemajuan kami berbanding Rancangan Korporat secara berterusan.

## Nilai Korporat

Kakitangan PIDM mendukung lima Nilai Korporat dan terus berusaha untuk memenuhi piawaian etika dan urusan tertinggi dalam semua aspek tugas mereka.



## Teras Strategik

Kami akan terus mengguna pakai tiga teras strategik bagi memenuhi mandat kami. Tiga teras tersebut ialah:



Kami berusaha menjadi sebuah organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik sejajar dengan perkembangan terkini amalan tadbir urus utama dan mengguna pakai amalan terbaik yang relevan.

Ini termasuk menyediakan amalan tadbir urus dan pengurusan yang mantap, pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh.

Kami mengamalkan kesediaan dan kecemerlangan operasi dengan memenuhi peranan kami sebagai organisasi perlindungan konsumer kewangan yang efektif dan proaktif.

Ini termasuk menyediakan rangka kerja penilaian dan pemantauan risiko yang kukuh, intervensi dan keupayaan resolusi, infrastruktur operasi yang efektif dan efisien, serta memperoleh dan mengekalkan tenaga kerja yang sesuai dengan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan, disokong oleh persekitaran kerja yang kondusif.



Kami memupuk keyakinan dengan menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Dalam mencapai hasrat itu, kami memantapkan program kesedaran awam dan pendidikan bagi memaklumkan dan mendidik pemegang kepentingan kami dan orang awam mengenai sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans.

Kami juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan menerusi Sistem Premium Berbeza, polisi dan peraturan serta rangka kerja penilaian dan pemantauan risiko yang kukuh.



## Objektif Korporat

Objektif korporat, yang merupakan tunjang strategi kami, adalah berdasarkan kepada tiga perspektif iaitu, Pemegang Kepentingan, Tadbir Urus dan Proses Dalaman serta Pembelajaran dan Pembangunan.

### Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat

Pemegang kepentingan yang bermaklumat adalah penting kepada keberkesanan sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans. Kami akan memantapkan komunikasi dengan semua pemegang kepentingan, bagi mendidik mereka menerusi kempen kesedaran awam menyeluruh dan program pendidikan serta mengambil kira maklum balas pemegang kepentingan dalam pembangunan Peraturan-Peraturan dan Garis Panduan.

### Perkongsian efektif


Berdasarkan model urusan kami, perkongsian efektif adalah penting bagi memenuhi mandat kami. Kami akan terus bekerjasama rapat dengan rakan kongsi strategik termasuk Bank Negara Malaysia, badan pengawal selia lain, penginsurans deposit lain dan penyedia perkhidmatan utama. Kami juga terus mengekalkan hubungan kerjasama yang baik dengan institusi ahli kami.

### Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan

Kakitangan kami merupakan aset terpenting. Kami menyediakan pakej penggajian dan program yang kompetitif bagi memperoleh dan mengekalkan kakitangan dengan kepakaran, pengalaman dan tingkah laku yang sesuai. Kami komited terhadap menyediakan peluang pembelajaran dan pembangunan secara berterusan kepada kakitangan kami bagi mencapai potensi penuh mereka.

### Persekitaran korporat yang kondusif

Kami memupuk budaya dan persekitaran korporat yang kondusif dengan menerapkan nilai korporat kami serta menggalakkan persekitaran kerja yang selamat, sihat, bebas daripada gangguan dan keseimbangan kerja dan kehidupan.



### Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik

Kami perlu menunjukkan bahawa kami ditadbir dan diurus dengan baik menerusi tata laku urusan dan amalan tadbir urus yang mantap, serta mengguna pakai rangka kerja pengurusan risiko organisasi dan kawalan dalaman yang efektif.

### Penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta keupayaan resolusi yang kukuh


Dalam memastikan kami memenuhi mandat dan kesediaan kekal sebagai aspek utama Perbadanan, kami akan terus mengekalkan keupayaan penilaian dan pemantauan risiko yang kukuh, serta membangunkan kapasiti dan keupayaan bagi mengendalikan aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan dengan efektif.

### Amalan urusan dan kewangan yang mantap

Bagi mentadbir sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans dengan efektif, kami akan memastikan polisi, proses, prosedur dan infrastruktur yang kukuh kekal relevan dan terkini. Amalan mantap yang mentadbir dan mengurus operasi kami akan didasarkan kepada amalan terbaik domestik dan antarabangsa yang relevan. Kami juga akan terus membangunkan keupayaan dan kapasiti bagi memastikan kami dapat memenuhi peranan dan tanggungjawab kami.

## Peta Strategi

Peta strategi kami menggambarkan hubungan antara mandat, teras strategik dan objektif korporat kami dalam tiga perspektif tersebut.





**Prestasi** Berbanding Dengan Rancangan Korporat Tahun Sebelumnya



# Prestasi Berbanding Dengan Rancangan Korporat Tahun Sebelumnya

## Sorotan Pencapaian Kami Bagi Rancangan Korporat 2011 - 2013

Tumpuan utama kami bagi 2011 - 2013 adalah meneruskan usaha menyokong kesediaan Perbadanan dalam bidang-bidang utama berikut:

- membina kapasiti dan keupayaan dari segi kesediaan operasi serta meningkatkan aktiviti penilaian dan pemantauan risiko;
- menggalakkan kesedaran awam termasuk meningkatkan inisiatif pendidikan;
- meningkatkan keberkesanan dan kecekapan operasi kami; dan
- memantapkan infrastruktur, sistem, polisi dan amalan untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans secara efektif.

Perbadanan mencapai kemajuan ketara dalam Rancangan Korporat 2011 - 2013 kami, yang diringkaskan dalam Kad Skor Korporat 2011 di halaman 15 hingga 18. Di samping berjaya menyempurnakan inisiatif yang dirancang pada 2011, Perbadanan juga menerima “Anugerah Organisasi Insurans Deposit Terbaik 2011” daripada Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa, pengiktirafan daripada pihak luar atas sumbangan kami berkongsi kepakaran mengenai insurans deposit. Selain itu, Perbadanan juga meraih Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan 2011 bagi “Laporan Tahunan Terbaik Organisasi Bukan Senaraian Awam” bagi Laporan Tahunan 2010 kami.

Keputusan unjuran dalam kad skor kami menunjukkan majoriti inisiatif utama kami yang dirancang berjaya disempurnakan dengan:

- a) 12 inisiatif berjalan lancar yang dijelaskan lebih lanjut di halaman 18; dan
- b) pengecualian lima inisiatif korporat berikut yang telah diberi keutamaan semula:
  - Pengukuhan Sistem dan Metodologi Penilaian dan Pemantauan Risiko bagi bank ahli – Akan dilaksanakan bersama dengan pembangunan dan pelaksanaan Sistem Statistik Bersepadu Bank Negara Malaysia (BNM).
  - Penyelidikan bagi Sistem Pengurusan Tuntutan bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans – Diberi keutamaan semula ke tahun 2012 untuk menumpukan kepada percubaan amalan pengesahan Piawaian Format Fail bagi bank ahli.
  - Penyelidikan bagi Sistem Pengurusan Sokongan Pemegang Polisi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans – Akan dikendalikan bersama dengan penyelidikan bagi Sistem Pengurusan Tuntutan bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans seperti yang dijelaskan di atas.
  - Pembangunan dan pelaksanaan Fasa 3: Komunikasi Portal Intranet bagi Sistem Pengurusan Maklumat Korporat – Akan dibangunkan pada 2012 selepas penaiktarafan Sharepoint Portal dan Microsoft Office 2007 kepada 2010 yang tidak dirancang.
  - Pelaksanaan Fasa 1(b): Pengurusan Identiti dan Tandatangan Digital bagi Infrastruktur Keselamatan Maklumat Korporat – Seperti kes di atas, inisiatif ini telah ditangguhkan dan akan dibangunkan selepas penaiktarafan Sharepoint Portal dan Microsoft Office 2007 kepada 2010.

Semua inisiatif lain disempurnakan mengikut rancangan kewangan yang diluluskan.

Sorotan pencapaian utama kami pada 2011:

<p style="writing-mode: vertical-rl; transform: rotate(180deg);">Pemegang Kepentingan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami terus melaksanakan inisiatif Rancangan Komunikasi Bersepadu, termasuk pengiklanan menerusi pelbagai saluran media seperti televisyen, radio dan media cetak. Kami juga mendidik pemegang kepentingan kami menerusi pelbagai aktiviti seperti taklimat, jerayawara serta pameran dan mengadakan Program Capaian Korporat di Johor Bahru.</li> <li>• Kami melaksanakan dan mengukuhkan Projek PIDM MoneySmart 2011, program pendidikan bagi pelajar sekolah menengah dan penuntut institut pengajian tinggi, termasuk soalan berkaitan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dalam Permainan Dalam Talian MoneySmart.</li> <li>• Kami melaksanakan Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit pada April 2011.</li> <li>• Kami terus menyertai forum antarabangsa dengan menghadiri, menganjur dan menjadi tuan rumah bagi pelbagai acara. Kami juga menyertai dan mengadakan pelbagai sesi taklimat, seminar, forum dan persidangan di peringkat tempatan dan antarabangsa.</li> <li>• Kami terus mengekalkan hubungan kerja yang baik dengan penginsurans deposit lain dan bank-bank pusat di seluruh dunia menerusi penglibatan kami dalam Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa serta menganjur dan menjadi tuan rumah untuk lawatan sambil belajar bagi penginsurans deposit lain dan bank-bank pusat tersebut.</li> <li>• Satu Memorandum Persefahaman telah dimeterai dengan Central Deposit Insurance Corporation, Taiwan dengan objektif menggalakkan kerjasama bagi membangunkan dan meningkatkan keberkesanan sistem masing-masing menerusi perkongsian pengetahuan.</li> </ul>
<p style="writing-mode: vertical-rl; transform: rotate(180deg);">Tadbir Urus dan Proses Dalam</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami terus mengekalkan rejim kebertanggungjawaban yang kukuh dan hubungan kerja yang efektif dengan Lembaga Pengarah kami. Sebagai sebahagian daripada program orientasi dan Pendidikan Lembaga Pengarah, beberapa sesi pendidikan dalam pelbagai bidang seperti penilaian dan pemantauan risiko, dana sasaran, Intervensi dan Resolusi Kegagalan serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dikendalikan. Kami juga terus melaksanakan pelan penggantian ahli Lembaga Pengarah.</li> <li>• Kami menyempurnakan baki selebihnya Polisi-Polisi Risiko Pengurusan Risiko Organisasi Lembaga Pengarah bagi Risiko Reputasi, Risiko Penilaian dan Pemantauan, Risiko Strategik dan Tadbir Urus, Risiko Operasi serta Risiko Intervensi dan Resolusi Kegagalan.</li> <li>• Kami terus menunjukkan komitmen ke arah tanggungjawab sosial korporat dengan melaksanakan Program Biasiswa pelbagai tahun, dan pada tahun ini, kami menganugerahkan biasiswa kepada 10 individu yang layak, pertambahan lima penerima anugerah biasiswa berbanding tahun sebelumnya.</li> <li>• Menerusi tanggungjawab sosial korporat, kami juga menaja bengkel kerja pengurusan wang dan perancangan kerjaya bagi pelajar dan golongan cacat pendengaran.</li> <li>• Kami terus menyokong Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan dan Alumni.</li> <li>• Kami terus mengekalkan proses dan sistem penilaian dan pemantauan risiko yang mantap bagi memantau institusi ahli kami dengan efektif dengan menerbitkan garis panduan kepada ahli penginsurans dan pelbagai garis panduan yang diperkukuhkan kepada bank ahli. Kami juga membangunkan Metodologi dan Rangka Kerja Penilaian Risiko komprehensif serta Pengesahan Penyelia bagi Pulangan Pengiraan Premium bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.</li> <li>• Kami terus membangunkan kesediaan kami dengan mengadakan Hari Terbuka Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi semua kakitangan, beberapa sesi latihan Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi kakitangan terpilih, dua simulasi mini dan latihan simulasi selama dua setengah hari.</li> <li>• Menerusi kesediaan pembayaran balik deposit, kami menyempurnakan integrasi antara modul sistem Pembayaran Balik Deposit, iaitu Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit, Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit, Sistem Pendaftaran Produk, Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit dan Sistem Pengurusan Pertanyaan. Kami juga menyempurnakan pembangunan program audit bagi Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit bagi memastikan integriti data pembayaran balik deposit.</li> <li>• Kami menyempurnakan pembangunan Tapak Pemulihan Bencana sementara dan menguji Pelan Kesenambungan Urusan di Tapak Pemulihan Bencana sementara.</li> </ul>
<p style="writing-mode: vertical-rl; transform: rotate(180deg);">Pembelajaran dan Pembangunan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami terus membangunkan bakat kakitangan kami menerusi pelan Pembelajaran dan Pembangunan menyeluruh dengan mengambil pertimbangan analisis penilaian jurang kecekapan 2010. Kami juga membangunkan rangka kerja Pengurusan Pengetahuan sebagai menyokong perkongsian pengetahuan berterusan di kalangan kakitangan.</li> <li>• Kami terus melaksanakan model kecekapan dan perancangan pengurusan penggantian berdasarkan rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi jawatan utama.</li> <li>• Kami menjalankan kaji selidik kepuasan kakitangan bagi menangani sebarang jurang yang ada daripada kaji selidik itu untuk menggalakkan persekitaran korporat yang kondusif.</li> <li>• Kami terus menerapkan nilai korporat kami menerusi aktiviti-aktiviti yang melibatkan kakitangan seperti Hari Keluarga; Majlis Berbuka Puasa bersama kakitangan dan ahli keluarga mereka; taklimat kesihatan dan motivasi; taklimat Kod Konflik Kepentingan dan Kod Tata Laku Urusan dan Etika serta Majlis Makan Malam Tahunan.</li> </ul>



## Imbasan Kad Skor Korporat 2011

**P** Berjalan lancar seperti yang dijadualkan; dan / atau dalam lingkungan bajet

**A** Sasaran dicapai, inisiatif disempurnakan

**F** Belum dimulakan / tarikh bermula pada masa hadapan

**D** Ditangguhkan disebabkan pengutamaan semula inisiatif tertentu

Objektif Korporat		Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran 2011	Keputusan Unjuran Disember 2011	
Pemegang Kepentingan	A	1. Indeks kesedaran awam:			
		a. Kesedaran umum mengenai PIDM	35%	P <sup>1</sup>	
		b. Kesedaran umum mengenai sistem insurans deposit	30%	P <sup>1</sup>	
		c. Kesedaran umum mengenai sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans	10%	P <sup>1</sup>	
		2. Interaksi dan responsif terhadap keperluan pemegang kepentingan	Tahap responsif 100%	A	
		3. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
		a. Mengkaji semula dan melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu	Disempurnakan	A	
		b. Program pendidikan	Dilaksanakan dan kajian semula	A	
	c. Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011	Dilaksanakan	A		
	B	Perkongsiian efektif	4. Hubungan PIDM dengan:		
			a. Bank Negara Malaysia	Kukuh	A
			b. Institusi ahli	Memuaskan	A
			c. Penyedia perkhidmatan utama dan rakan kongsi strategik	Kukuh	A
d. Penginsurans deposit lain			Kukuh	A	
e. Pemegang kepentingan lain			Memuaskan	A	
5. Menyertai forum antarabangsa			Penyertaan aktif	A	
Tadbir Urus dan Proses Dalam	C	6. Penilaian Lembaga Pengarah terhadap:			
		a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai	Tahap kepuasan tinggi	A	
		b. Polisi dan amalan utama yang dipatuhi	Tahap kepuasan tinggi	A	
		c. Maklumat terkini dan relevan serta kualiti cadangan yang disyorkan oleh Pengurusan kepada Lembaga Pengarah bagi membuat keputusan yang bermaklumat dan memenuhi tanggungjawab	Tahap kepuasan tinggi	A	
		7. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
		a. Polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi Lembaga Pengarah:			
		i. Risiko Strategik dan Tadbir Urus	Dibangunkan dan dilaksanakan	A	
		ii. Risiko Operasi	Dibangunkan dan dilaksanakan	A	
		iii. Risiko Intervensi dan Resolusi Kegagalan	Dibangunkan	A	
		b. Penglibatan dalam Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan	Penyertaan aktif	A	

Objektif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran 2011	Keputusan Unjuran Disember 2011
Tadbir Urus dan Proses Dalam D	8. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
	a. Rangka kerja Sistem Premium Berbeza, Jumlah Deposit Diinsuranskan dan Jumlah Polisi Dilindungi:		
	i. Mengkaji semula dan mempertingkatkan peraturan-peraturan dan perintah bagi Sistem Premium Berbeza dan rangka kerja Jumlah Deposit Diinsuranskan bagi Sistem Insurans Deposit	Dibangunkan dan dilaksanakan	A
	ii. Membangunkan dan melaksanakan Sistem Premium Berbeza dan rangka kerja Penyata Jumlah Polisi Dilindungi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:		
	a(ii)(1). Premium dinilai terhadap syarikat insurans	Dilaksanakan	A
	a(ii)(2). Garis panduan bagi Penyata Jumlah Polisi Dilindungi: Pengiraan Jumlah Polisi Dilindungi, Premium dan Penyediaan Penyata	Dibangunkan dan dilaksanakan	A
	a(ii)(3). Pengesahan pengawal selia terhadap Penyata Jumlah Polisi Dilindungi	Dibangunkan	A
	a(ii)(4). Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza	Dikaji selidik dan dibangunkan	A
	a(ii)(5). Garis Panduan Sistem Premium Berbeza dan peraturan	-	F
	a(ii)(6). Pengesahan juruaudit luaran terhadap garis panduan Penyata Jumlah Polisi Dilindungi	-	F
	b. Pengukuhan berterusan bagi Metodologi serta Rangka Kerja Penilaian dan Pemantauan Risiko:		
	i. Bank-bank	Kajian semula dan dilaksanakan	D
	ii. Syarikat insurans dan pengendali takaful:		
	b(ii)(1). Metodologi dan Rangka Kerja Penilaian Risiko	Dibangunkan dan dilaksanakan	A
	b(ii)(2). Sistem Penilaian Risiko Insurans	Dikaji selidik	A
	c. Membangunkan dan melaksanakan Sistem Amaran Awal bagi bank-bank	Dikaji selidik dan dibangunkan	P <sup>2</sup>
	d. Komponen Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan termasuk proses, polisi dan prosedur:		
	i(1). Membangunkan dan melaksanakan komponen akhir bagi bank-bank	Disempurnakan	A
	i(2). Membangunkan dan melaksanakan Model dan Sistem Kos Paling Minimum ( <i>Least Cost</i> )	Dikaji selidik	A
	ii(1). Mengkaji pindaan yang diperlukan kepada polisi dan prosedur Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi syarikat insurans dan pengendali takaful	Dibangunkan	P <sup>3</sup>
	e. Membangunkan dan melaksanakan polisi dan peraturan bagi bank-bank:		
	i. Garis panduan / peraturan faedah dan dividen boleh dibayar	Dibangunkan dan dilaksanakan	P <sup>4</sup>
	ii. Surcaj premium	Dibangunkan dan dilaksanakan	P <sup>5</sup>
	iii. Mengkaji selidik piawaian amalan urusan dan kewangan mantap bagi bank ahli	Disempurnakan	A

Objektif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran 2011	Keputusan Unjuran Disember 2011		
D	Penilaian dan pemantauan risiko serta keupayaan resolusi yang kukuh	f. Membangunkan dan melaksanakan polisi dan peraturan bagi syarikat insurans dan pengendali takaful:			
		i. Terma dan syarat keahlian	Dibangunkan	A	
		ii. Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dikaji selidik	P <sup>6</sup>	
		g. Menjalankan simulasi bagi:			
		i. Pembayaran Balik Deposit	Disempurnakan	P <sup>7</sup>	
		ii. Intervensi dan Resolusi Kegagalan	Disempurnakan	A	
		h. Membangunkan dan melaksanakan sistem, polisi dan prosedur Pembayaran Balik Deposit:			
		i. Fasa 2 – Menyepadukan Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit	Dibangunkan	A	
		ii. Fasa 3 – Membangunkan Pangkalan Data Deposit Dinamik	-	F	
		i. Membangunkan program audit bagi memastikan integriti Data, Sistem dan Proses Pembayaran Balik Deposit	Dibangunkan dan dilaksanakan	P <sup>8</sup>	
		j. Membangunkan dan melaksanakan sistem, polisi dan prosedur pengurusan tuntutan bagi syarikat insurans dan pengendali takaful:			
		i. Fasa 1a: Sistem Pendaftaran Produk	Dikaji selidik	A	
		ii. Fasa 1b: Sistem Pengurusan Tuntutan	Dikaji selidik	D	
		iii. Fasa 1c: Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi	Dikaji selidik	D	
		iv. Fasa 2: Sistem Pengurusan Pembayaran	-	F	
	k. Program pematuhan institusi ahli	Dibangunkan	A		
	E	Amalan urusan dan kewangan yang mantap	9. Pelaporan menerusi:		
			a. Laporan Tahunan	Disempurnakan	A
			b. Rancangan Korporat	Disempurnakan	A
			10. Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding bajet yang diluluskan	±10% perbezaan	A <sup>9</sup>
11. Pematuhan Kawalan Dalaman			Kukuh	A	
12. Tahap kepuasan terhadap perkhidmatan antara Bahagian			75%	A	
13. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:					
a. Sistem berkaitan perakaunan kewangan dan proses penaiktarafan dan peningkatan			Dibangunkan dan dilaksanakan	P <sup>10</sup>	
b. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja pembiayaan bagi Fasa 1 – Pinjaman Kerajaan, Fasa 2 – Pembiayaan daripada pasaran modal			Disempurnakan	A	
c. Melaksanakan rangka kerja Dana Sasaran bagi bank-bank			Disempurnakan	A	
d. Melaksanakan inisiatif Pelan Strategik Teknologi Maklumat tahunan			Disempurnakan	P <sup>11</sup>	
e. Pelan Kesenambungan Urusan			Kajian semula dan diuji	A	
f. Pelan Pemulihan Bencana dan infrastruktur			Kajian semula dan diuji	A	
g. Sistem Pengurusan Maklumat Korporat:					
i. Fasa 2: Pengukuhan			Dibangunkan dan dipertingkatkan	A	
ii. Fasa 3: Komunikasi Portal Intranet	Dibangunkan dan dilaksanakan	D			

Objektif Korporat		Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran 2011	Keputusan Unjuran Disember 2011
Tadbir Urus dan Proses Dalam	E	h. Infrastruktur Keselamatan Maklumat Korporat:		
		i. Fasa 1(a): Keselamatan Maklumat	Dibangunkan	A
		ii. Fasa 1(b): Pengurusan Identiti dan Tandatangan Digital	Dilaksanakan	D
		ii. Fasa 2: Akses Terpencil	-	F
		i. Sistem Maklumat Eksekutif:		
		i. Fasa 1: Kaji Selidik	-	F
		ii. Fasa 2: Papan Pemuka Korporat	-	F
Pembelajaran dan Pembangunan	F	14. Membangunkan dan melaksanakan pelan pembelajaran dan pembangunan kakitangan tahunan	Dibangunkan	A
		15. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
		a. Meneruskan pelaksanaan model kecekapan	Dilaksanakan	A
		b. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja dan sistem Pengurusan Pengetahuan:		
		i. Fasa 1: Rangka kerja Pengurusan Pengetahuan	Dibangunkan dan dilaksanakan	A
ii. Fasa 2: Polisi dan proses Pengurusan Pengetahuan	-	F		
G	Persekitaran korporat yang kondusif	16. Indeks kepuasan kerja kakitangan (tinjauan dijalankan dua tahun sekali)	75%	A
		17. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
		a. Melaksanakan program berkaitan kakitangan bagi menggalakkan persekitaran korporat yang kondusif	Disempurnakan	A

<sup>1</sup> Keputusan tinjauan pengguna akan dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2011.

<sup>2</sup> Pembangunan Model Ramalan Penarafan berjalan lancar mengikut jadual.

<sup>3</sup> Projek ini untuk meminda polisi dan prosedur Intervensi dan Resolusi Kegagalan dengan mengambil kira operasi ahli penginsurans dan projek ini berjalan lancar mengikut jadual. Setakat ini, kami telah memulakan pembangunan rangka kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan dan dua bidang utama telah dikenal pasti, iaitu Kajian Terperinci dan Pindahan Urusan.

<sup>4</sup> Peraturan boleh bayar faedah dan dividen akan dilaksanakan pada 2012.

<sup>5</sup> Draf rangka kerja surcaj premium akan diusulkan bagi kelulusan Lembaga Pengarah pada 2012.

<sup>6</sup> Penyelidikan selanjutnya perlu dijalankan bagi pembangunan Peraturan-Peraturan Maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

<sup>7</sup> Latihan percubaan pengesahan Piawaian Format Fail berjalan lancar mengikut jadual dan disasarkan untuk disempurnakan pada pertengahan 2013.

<sup>8</sup> Pembangunan program audit bagi Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit dan Sistem Pendaftaran Produk berjalan lancar dan dijangka disempurnakan pada 2012.

<sup>9</sup> Kami mencapai perbezaan positif bagi kedua-dua perbelanjaan operasi dan modal.

<sup>10</sup> Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kewangan yang Diperkukuhkan akan bermula pada 2012.

<sup>11</sup> Kami telah menyempurnakan kebanyakan inisiatif strategik dan operasi seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat PIDM kecuali bagi inisiatif korporat berikut yang telah ditangguhkan:

- Fasa 3: Komunikasi Portal Intranet bagi Sistem Pengurusan Maklumat Korporat; dan
- Fasa 1(b): Pengurusan Identiti dan Tandatangan Digital bagi Infrastruktur Keselamatan Maklumat Korporat.

## Prestasi Kewangan Lepas – Tahun 2011

### A. Keputusan Operasi

	2011 Unjuran*	2011 Bajet	Perbezaan	
	RM'000	RM'000	RM'000	(%)
<b>Pendapatan</b>				
Premium	201,150	242,700	(41,550)	(17)
Pelaburan	22,386	11,000	11,386	104
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>223,536</b>	<b>253,700</b>	<b>(30,164)</b>	<b>(12)</b>
<b>Perbelanjaan Operasi</b>				
Gaji dan Manfaat	36,370	44,310	7,940	18
Am dan Pentadbiran	31,288	35,435	4,147	12
Komunikasi	8,967	9,755	788	8
<b>Jumlah Perbelanjaan Operasi</b>	<b>76,625</b>	<b>89,500</b>	<b>12,875</b>	<b>14</b>
<b>Lebihan Bersih Operasi</b>	<b>146,911</b>	<b>164,200</b>	<b>(17,289)</b>	<b>(11)</b>
<b>Wang dan Pelaburan yang Diterima daripada Kumpulan Dana Skim Jaminan Insurans</b>	<b>924,522</b>	<b>-</b>	<b>924,522</b>	<b>100</b>
<b>Lebihan Bersih Tahun Semasa</b>	<b>1,071,433</b>	<b>164,200</b>	<b>907,233</b>	<b>552</b>

### B. Perbelanjaan Modal

	2011 Unjuran*	2011 Bajet	Perbezaan	
	RM'000	RM'000	RM'000	(%)
<b>Perbelanjaan Modal</b>				
Kenderaan Motor	5	-	(5)	-
Perabot, Kelengkapan dan Ubah Suai Pejabat	410	550	140	26
Sistem Komputer dan Peralatan Pejabat	2,490	6,950	4,460	64
<b>Jumlah Perbelanjaan Modal</b>	<b>2,905</b>	<b>7,500</b>	<b>4,595</b>	<b>61</b>

\*Unjuran 2011 = Sebenar (Jan-Okt 2011) + Unjuran (Nov-Dis 2011)

## C. Ulasan Prestasi Kewangan 2011

### Keputusan Operasi

---

Kami mengunjurkan lebih bersih operasi kira-kira RM146.9 juta berbanding RM164.2 juta seperti yang dibajetkan dalam Rancangan Korporat kami. Anggaran lebih ini lebih rendah sebanyak RM17.3 juta disebabkan terutamanya oleh premium lebih rendah yang diterima pada tahun 2011 berbanding bajet. Bagaimanapun, pada tahun ini, PIDM menerima wang dan pelaburan daripada Kumpulan Dana Skim Jaminan Insurans dengan nilai wajar berjumlah RM924.5 juta. Ini dijangka akan menyumbang kepada lebih bersih keseluruhan sebanyak RM1 bilion bagi tahun ini.

### Pendapatan

---

- Jumlah premium yang diterima daripada bank ahli pada tahun ini ialah RM120.2 juta atau 25% lebih rendah berbanding bajet RM160.8 juta. Premium lebih rendah yang diterima disebabkan terutamanya oleh peningkatan secara keseluruhan dalam penarafan risiko bank ahli serta pertumbuhan rendah Jumlah Deposit Diinsuranskan.
- Premium yang diterima daripada ahli penginsurans pada tahun ini ialah RM80.7 juta, iaitu 1% atau RM1.2 juta lebih rendah berbanding bajet. Premium lebih rendah yang diterima disebabkan terutamanya oleh urus niaga lebih rendah daripada segmen insurans am.
- Pendapatan pelaburan adalah lebih tinggi berbanding bajet disebabkan oleh pulangan tambahan daripada pelaburan Kumpulan Dana Skim Jaminan Insurans yang disalurkan kepada PIDM pada tahun ini.

### Perbelanjaan Operasi

---

- Jumlah perbelanjaan operasi sehingga 31 Disember 2011 diunjurkan sebanyak RM76.6 juta, iaitu RM12.9 juta atau 14% lebih rendah berbanding bajet.
- Perbezaan positif ini adalah disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan gaji dan manfaat yang rendah hasil daripada pengambilan pekerja baharu yang lebih rendah berbanding bajet.
- Perbezaan positif RM4.1 juta atau 12% bagi kos am dan pentadbiran adalah disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan lebih rendah bagi latihan dan pembangunan, telekomunikasi dan sistem komputer serta perbelanjaan perjalanan.

### Perbelanjaan Modal

---

- Perbelanjaan modal kami dianggarkan berjumlah RM2.9 juta atau 61% lebih rendah berbanding bajet. Perbezaan positif itu disebabkan terutamanya penjimatan kos bagi perolehan Tapak Pemulihan Bencana sementara serta peningkatan infrastruktur teknologi maklumat. Terdapat juga beberapa projek sistem teknologi maklumat yang disusun semula keutamaannya disebabkan pentadbiran Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

### Metodologi Peruntukan Kos

---

- Sepanjang tahun ini, kami memantau, membezakan, merekod dan memperuntukkan perbelanjaan operasi dan modal antara dua sistem perlindungan dan enam kumpulan dana masing-masing. Kami akan terus memperuntukkan semua kos langsung dan kos tidak langsung kepada kumpulan dana masing-masing berdasarkan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM) dan Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Peruntukan Perbelanjaan, Kos atau Kerugian) 2011.

Secara ringkasnya, kami mencapai perbezaan positif dalam kedua-dua perbelanjaan operasi dan modal kerana kami mengamalkan pengurusan kewangan berhemat dan kawalan dalaman yang kukuh. Sepanjang tahun 2011, kami menjalankan inisiatif-inisiatif utama yang dirancang mengikut Rancangan Korporat kami dan melaksanakan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans. Semua inisiatif ini disempurnakan mengikut rancangan kewangan yang diluluskan.

## Rancangan Tiga Tahun Kami 2012 - 2014



# Rancangan Tiga Tahun Kami 2012 - 2014

## Persekitaran Operasi

Sebagai sebahagian daripada rangka kerja jaringan keselamatan yang memainkan peranan penting dalam memastikan kestabilan sistem kewangan, Perbadanan sentiasa mengikuti perkembangan terkini isu-isu dan risiko yang boleh memberi kesan kepada Perbadanan, pendeposit, pemilik polisi dan institusi ahli. Sehubungan itu, kami sentiasa memantau dan menilai isu-isu berkaitan ekonomi global dan domestik dan persekitaran operasi institusi ahli kami. Dalam organisasi, kami meneruskan penggunaan pakai rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi untuk mengenal pasti dan menilai risiko yang boleh memberi kesan negatif kepada Perbadanan.

### Persekitaran Ekonomi

---

Pertumbuhan dan prospek ekonomi global masih berubah-ubah, terutamanya di kalangan ekonomi perindustrian yang berdepan dengan pelbagai situasi tidak menentu termasuk kebimbangan yang meningkat terhadap krisis hutang, kekangan fiskal yang besar dan kemerosotan keadaan kewangan.

Dalam keadaan kadar pemulihan ekonomi negara maju yang masih tidak menentu, keseluruhan pertumbuhan ekonomi domestik akan disokong oleh permintaan domestik yang kukuh. Permintaan domestik asasnya disokong terutamanya oleh pertumbuhan berterusan dalam penggunaan swasta, perbelanjaan dan pelaburan langsung asing serta peningkatan kemajuan kadar pelaksanaan projek-projek kerajaan dalam separuh kedua tahun tersebut. Tambahan lagi, situasi gangguan bekalan yang semakin pulih susulan pembinaan semula wilayah-wilayah di Jepun yang dilanda gempa bumi dan tsunami dijangka turut menyokong pertumbuhan ekonomi.

### Persekitaran Operasi Institusi Ahli

---


Kekurangan keyakinan yang berterusan terhadap paras fiskal dan kebimbangan terhadap krisis hutang di beberapa ekonomi maju setakat ini tidak memberikan impak yang besar kepada pasaran kewangan domestik. Pasaran domestik terus mengekalkan pertumbuhan disokong oleh permintaan domestik yang kukuh.

Keseluruhannya, sektor kewangan domestik terus berdaya tahan dan menyokong perantaraan kewangan dalam aktiviti ekonomi domestik termasuk aliran masuk pelaburan langsung asing. Secara kolektif, institusi ahli masih kukuh dan kami tidak menjangka sebarang kegagalan di kalangan institusi ahli kami semasa tempoh perancangan.



# Ulasan Pengurusan Risiko Organisasi

Perbadanan berjaya menyempurnakan satu lagi kitaran aktiviti penilaian risiko Pengurusan Risiko Organisasi pada 2011 seperti yang diterangkan dalam gambar rajah di bawah:



Penyempurnaan Polisi dan Laporan Risiko Lembaga Pengarah bagi kesemua lima kategori risiko Perbadanan menandakan satu lagi pencapaian utama Perbadanan dalam memenuhi harapan dan pengawasan Lembaga Pengarah terhadap peranan Pengurusan dalam menyokong peranan pengurusan risiko Lembaga Pengarah.

Selain itu, risiko-risiko utama yang dikenal pasti pada 2011 membentuk platform kepada Perbadanan untuk menentukan keutamaan Rancangan Korporatnya berdasarkan pendekatan berasaskan risiko. Daripada lima kategori risiko Perbadanan, pelan tindakan dan inisiatif-inisiatif risiko utama yang dicadangkan bagi menangani risiko-risiko utama (yang dikenal pasti dalam empat kategori risiko berikut) adalah seperti berikut:

## • Risiko Strategik dan Tadbir Urus

Perbadanan mengendalikan latihan Pelan Kesenambungan Urusan tahunan bagi memastikan kesediaan Perbadanan untuk meneruskan fungsi-fungsi urusan kritikalnya di Tapak Pemulihan Bencana sementara yang baru didirikan, sekiranya berlaku bencana.

## • Risiko Insurans

Kesediaan operasi Perbadanan, khususnya bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, masih menjadi faktor risiko utama kepada kategori Risiko Insurans. Sehubungan itu, Perbadanan telah memulakan pembangunan Metodologi dan Sistem Penilaian dan Pemantauan Risiko bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, termasuk Sistem Penilaian Risiko, rangka kerja dan garis panduan Sistem Levi Berbeza, Peraturan-Peraturan Terma dan Syarat Keahlian, dan Peraturan-Peraturan Maklumat.

Perbadanan juga memanfaatkan pengalaman daripada projek Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi Sistem Insurans Deposit bagi menggabungkan mana-mana aplikasi

relevan bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dalam polisi, prosedur dan infrastruktur Intervensi dan Resolusi Kegagalan, termasuk pembangunan sistem pengurusan tuntutan bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Selain itu, Perbadanan sedang mengusahakan program pematuhan bagi mengurangkan risiko ketidakpatuhan institusi ahli terhadap Akta dan / atau Peraturan-Peraturan PIDM.

## • Risiko Operasi

Terdapat proses berterusan bagi membangunkan rangka kerja Kecekapan dan rangka kerja Pengurusan Pengetahuan bagi pengurusan tenaga kerja sebagai sebahagian daripada kesediaan operasi Perbadanan, dengan mengambil kira kepakaran yang diperlukan bagi Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Perbadanan juga akan terus menguatkuasakan Polisi Klasifikasi Maklumat dan memantapkan Sistem Pengurusan Maklumat Korporat dengan membentuk polisi dan prosedur pentadbiran sistem dan pengurusan operasi bagi mengurangkan risiko keselamatan maklumat.

## • Risiko Reputasi

Perbadanan akan meneruskan usahanya dalam meningkatkan kesedaran awam tentang Perbadanan, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans bagi mencapai sasaran indeks kesedaran umumnya menerusi pelbagai inisiatif yang dikenal pasti dalam Pelan Komunikasi Bersepadu 2012 - 2016.

Pelan tindakan dan inisiatif-inisiatif risiko utama yang telah dibangunkan bagi menangani risiko-risiko penting terkandung dalam Rancangan Korporat ini.

## Andaian Perancangan Utama

Hala tuju strategik, pelan dan bajet sokongan yang digariskan dalam Rancangan Korporat ini adalah berdasarkan andaian-andaian perancangan utama yang dinyatakan seperti berikut.

### Pemegang Kepentingan

- Mandat Perbadanan kekal terkini dan relevan.
- Kami tidak menjangkakan sebarang aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan sepanjang tempoh perancangan. Bagaimanapun, Perbadanan perlu sentiasa bersedia dari segi operasi bagi menangani intervensi dan resolusi kegagalan institusi ahli.

### Tadbir Urus dan Proses Dalaman

- Pendapatan premium dijangka akan meningkat disebabkan pertumbuhan jumlah deposit diinsuranskan bagi bank-bank ahli dan jumlah sijil atau polisi yang layak bagi ahli penginsurans.
  - Bank-bank ahli: Kadar premium akan dikaji semula secara berkala sejajar dengan rangka kerja Dana Sasaran Perbadanan yang dilaksanakan mulai 2011 dan pelaksanaan polisi pembiayaan mulai 2012.
  - Ahli penginsurans: Kadar premium sama rata akan terus diguna pakai bagi 2012 dan pengenalan Sistem Levi Berbeza dirancang pada 2013.
- Kami akan meneruskan pembangunan dan pelaksanaan semua polisi, proses dan sistem utama, termasuk pendekatan Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.
- Kami akan terus bergantung pada kumpulan teras kakitangan yang disokong oleh penyedia perkhidmatan utama, rakan kongsi dan hubungan kerja yang baik dengan pemegang kepentingan utama serta proses, sistem dan infrastruktur yang efektif.
- Kami menganggarkan Pulangan Pelaburan kami secara purata 3% setahun.

### Pembelajaran dan Pembangunan

- Kami akan terus mengekalkan dan membangunkan tenaga kerja yang sedia ada kerana tenaga kerja kritikal berkaitan dengan bidang kerja PIDM agak sukar didapati dalam pasaran.

## Hala Tuju Strategik

Dalam membangunkan Rancangan Korporat, Perbadanan mengkaji semula dengan teliti visi, misi dan hala tuju strategik, dengan mengambil kira persekitaran operasi semasanya dan risiko-risiko utama yang dihadapi oleh Perbadanan. Bagi mencapai visi dan misi Perbadanan, hala tuju strategik telah dikenal pasti seperti berikut:

- memantapkan kapasiti dan keupayaan organisasi dengan tumpuan terhadap kecekapan kakitangan;
- mengukuhkan kesediaan operasi Perbadanan; dan
- menggalakkan kesedaran awam dan pendidikan.

Sorotan inisiatif dan pelan yang menyokong setiap hala tuju strategik digariskan seperti berikut.

### Untuk memantapkan kapasiti dan keupayaan organisasi dengan tumpuan terhadap kecekapan kakitangan

Adalah penting untuk memastikan individu yang berpengalaman luas dan cekap sentiasa tersedia bagi mengukuhkan tenaga kerja Perbadanan dan memastikan kesediaan operasi. Sehubungan itu, pencapaian visi dan misi PIDM bergantung kepada keupayaan Perbadanan untuk memperoleh, membangunkan dan mengekalkan kakitangan yang cekap.

Pelan Strategik Modal Insan, yang dikaji semula dan disemak setiap tahun, menyokong Objektif Korporat dalam membangunkan “Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan” dan “Persekitaran korporat yang kondusif” menerusi pelbagai inisiatif yang memantapkan kecekapan kakitangan dan memastikan kakitangan mempunyai kemahiran, pengetahuan dan kelakuan yang diperlukan bagi memenuhi peranan mereka.

Bagi tahun 2012 - 2014, Pelan Strategik Modal Insan akan memberi tumpuan terhadap kemampunan dan keperluan bagi Perbadanan untuk mencapai tenaga kerja yang optimum, dan mengekalkan serta memantapkan lagi tahap kepakaran kakitangannya. Kadar pengambilan kakitangan baharu akan dikurangkan dan pertumbuhan saiz organisasi akan menjadi stabil. Kakitangan yang dilantik baru-baru ini akan disepadukan ke dalam budaya organisasi dan akan menerima latihan yang diperlukan. Pembelajaran dan pembangunan akan terus diberi penekanan dan rangka kerja Kecekapan akan menjadi panduan bagi mengenal pasti keperluan latihan. Kakitangan PIDM akan disediakan dengan peluang latihan yang meluas bagi memastikan mereka memperoleh pengetahuan yang penting dan pemahaman mengenai Sistem Insurans Deposit, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta peranan PIDM dalam mentadbir sistem perlindungan konsumer kewangan. PIDM akan melaksanakan program pembelajaran dan pembangunan yang lebih berfokus bagi peringkat atau kumpulan kakitangan yang berbeza. Selain itu, imbuhan dan manfaat kakitangan akan dikaji semula setiap tahun bagi memastikan ganjaran yang adil, saksama dan kompetitif berbanding pasaran untuk membolehkan kami memperoleh dan mengekalkan tenaga kerja penting.

Meskipun fokus utama seperti yang dinyatakan di atas, pelan tersebut juga akan memberi tumpuan terhadap pemupukan budaya tempat kerja optimum yang selamat, bebas daripada diskriminasi dan gangguan serta menghormati setiap kakitangan. Polisi dan program modal insan akan menyokong budaya tempat kerja yang optimum dan sejajar dengan perundangan semasa serta amalan bertaraf tinggi. PIDM akan terus memantau dan menilai tahap kepuasan dan penglibatan kakitangan menerusi tinjauan lazim dan jika perlu, akan mengambil tindakan sewajarnya.

#### **Untuk mengukuhkan kesediaan operasi Perbadanan**

Dalam tempoh perancangan, PIDM akan terus memberi tumpuan terhadap peningkatan aspek-aspek utama kesediaan, termasuk menilai dan memantau risiko-risiko yang memberi kesan kepada institusi ahli serta mengembangkan kapasiti intervensi dan resolusi kegagalan. Pemantapan infrastruktur dan operasi Perbadanan juga penting dalam memastikan Perbadanan bersedia dari segi operasi dan mempunyai keupayaan bagi menangani institusi ahli yang bermasalah dengan segera.

**Penilaian dan Pemantauan Risiko:** Adalah penting bagi PIDM untuk mengenal pasti dan mengambil tindakan segera terhadap risiko-risiko yang boleh menjejaskan institusi ahli. Perbadanan terus memantau persekitaran ekonomi dan kewangan, serta profil risiko dan prestasi kewangan institusi ahli masing-masing dan secara keseluruhan. Dengan mandat yang diperluaskan, Perbadanan mengalami perkembangan yang besar pada 2011 bagi membolehkannya memantau institusi ahli tambahan.

Fokus utama adalah untuk membangunkan sistem dan infrastruktur yang perlu bagi menyokong penilaian dan

pemantauan risiko ahli penginsurans, membangunkan rangka kerja dan garis panduan Sistem Levi Berbeza serta garis panduan program pengesahan luaran bagi ahli penginsurans. Kami juga akan terus mengkaji semula dan memantapkan rangka kerja penilaian risiko dan garis panduan Sistem Premium Berbeza bagi bank-bank ahli. Bagi menempatkan Perbadanan secara strategik sebagai peneraju dalam bidang insurans deposit Islam, Perbadanan akan terus menumpukan usahanya bagi menerajui pembangunan garis panduan, kertas penyelidikan dan prinsip teras berkaitan operasi insurans deposit Islam.

**Intervensi dan Resolusi Kegagalan:** Dalam memenuhi mandat kami dengan cara yang efektif dan meminimumkan kos kepada sistem kewangan, PIDM harus sentiasa bersedia untuk melakukan intervensi awal dalam urusan institusi ahli yang bermasalah. Perbadanan juga perlu menyelaraskan tindakannya dengan peserta lain dalam jaringan keselamatan kewangan dan pemegang kepentingan utamanya. Bagi memastikan kesediaan Perbadanan secara keseluruhan, kami telah membangunkan pelan hala tuju bagi menilai dan memantau tahap kesediaan kami untuk menangani institusi ahli yang bermasalah. Bahagian-bahagian utama yang dikenal pasti dibahagikan kepada tiga fasa yang menumpukan kepada kesediaan dalaman, penyelarasan efektif dan kerjasama dengan agensi kerajaan berkaitan serta membangunkan strategi Intervensi dan Resolusi Kegagalan yang jelas berkaitan dengan institusi ahli.

Fokus kami berkaitan dengan Sistem Insurans Deposit adalah untuk meneruskan pembangunan komponen akhir aktiviti Intervensi dan Resolusi Kegagalan. Ini akan membolehkan Perbadanan melaksanakan dengan efektif pelbagai pilihan Intervensi dan Resolusi Kegagalan seperti pembangunan Model Penilaian bagi membolehkan Perbadanan mempermudah analisis kos terendah, pembangunan pangkalan data maklumat berkaitan dengan institusi ahli yang akan menjadi rujukan berguna dalam pembangunan strategi Intervensi dan Resolusi Kegagalan serta pembangunan pangkalan data penyedia perkhidmatan yang cekap, antara lainnya. Perbadanan juga akan memberi tumpuan terhadap peningkatan keupayaannya bagi mengendalikan pembayaran balik deposit dengan segera dan tepat. Lanjutan itu, fokus berkaitan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans adalah untuk membangunkan polisi dan prosedur bagi pelbagai pilihan Intervensi dan Resolusi Kegagalan seperti Kajian Daya Maju, Pindahan Urus Niaga, Institusi Perantara dan Penstrukturan Semula. Perbadanan juga akan memulakan pembangunan rangka kerja, proses dan infrastruktur untuk melaksanakan mandat pembayaran balik kepada pemilik polisi.

Tambahan lagi, dalam menyokong rangka kerja dan proses intervensinya, Perbadanan memastikan pengendalian sesi latihan dan simulasi secara berterusan untuk kakitangan bagi meningkatkan kesediaan intervensi.

**Memantapkan Infrastruktur dan Operasi:** Pelan Strategik Teknologi Maklumat menyediakan keupayaan teknologi maklumat kepada bahagian-bahagian fungsi dalam

menyokong pencapaian visi, misi dan objektif korporat serta menyumbang kepada kapasiti kami untuk melakukan intervensi dengan segera dalam sesebuah institusi ahli yang bermasalah. Pelan tersebut dikaji semula dan disemak setiap tahun dan menggariskan hala tuju dan objektif penggunaan dan pengurusan teknologi dalam Perbadanan. Pelan itu juga mengenal pasti keutamaan bagi membangunkan dan menyediakan keupayaan dan perkhidmatan teknologi maklumat untuk menyokong keperluan urusan Perbadanan serta memberi manfaat jangka panjang kepada Perbadanan.

Bagi menyokong kesediaan operasi Perbadanan, infrastruktur teknologi maklumat yang terkini perlu dikekalkan sepanjang masa dalam persekitaran teknologi yang berkembang pesat dan sejajar dengan amalan terbaik industri. Selain itu, penyepaduan proses dan sistem adalah penting dalam mewujudkan platform perkongsian maklumat yang bersepadu dan selamat.

Program pengurusan kesinambungan urusan PIDM akan memberi tumpuan terhadap memastikan keupayaan Perbadanan untuk meneruskan fungsi-fungsi urusan kritikal daripada Tapak Pemulihan Bencana sekiranya berlaku bencana atau pandemik. Ujian tahunan akan dikendalikan bagi memastikan pelan pengurusan kesinambungan urusan terus relevan dan terkini.

Satu inisiatif utama adalah pembangunan Tapak Pemulihan Bencana tetap untuk Perbadanan, yang dilengkapi dengan infrastruktur yang perlu bagi membolehkan Perbadanan meneruskan fungsi-fungsi urusan kritikalnya sekiranya berlaku bencana. Perbadanan akan memperoleh sebidang tanah untuk membina Tapak Pemulihan Bencana yang tetap, yang juga dirangka sebagai tapak alternatif penuh yang boleh digunakan bagi fungsi-fungsi operasi lain seperti tempat pengendalian latihan, mesyuarat di luar pejabat, pejabat kedua serta kemudahan stor di luar pejabat.

#### **Untuk menggalakkan kesedaran awam dan pendidikan**

Kesedaran awam mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans termasuk perlindungan, had dan produk diinsuranskan terus diberi keutamaan dalam menggalakkan keyakinan terhadap PIDM dan sistem kewangan negara. Pelan Komunikasi Bersepadu 2012 - 2016 telah dibangunkan berasaskan kepada strategi dan taktik efektif daripada inisiatif dan pembelajaran sebelumnya. Pelan tersebut merupakan kesinambungan kepada asas komunikasi PIDM yang telah pun kukuh yang menggalakkan kesedaran dan pemahaman mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Pelan Komunikasi Bersepadu dipacu oleh tiga teras strategik yang menyokong strategi dan inisiatif komunikasinya seperti berikut:

- mengukuhkan kesedaran tentang Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan menggalakkan keyakinan terhadap peranan PIDM;
- menyumbang dengan aktif kepada pemantapan kesedaran dan celik kewangan menerusi inisiatif dan program pendidikan; dan

- meningkatkan interaksi dan kerjasama dengan institusi ahli dan rakan kongsi strategik yang berkaitan.

Dalam mencapai teras-teras ini, Perbadanan akan menumpukan usahanya terhadap strategi berikut:

- meluaskan capaian terhadap jumlah audien sasaran yang berkaitan bagi penyebaran maklumat yang optimum dan capaian awam yang maksimum;
- melaksanakan secara berterusan inisiatif dan instrumen komunikasi utama yang efektif seperti pengiklanan dalam media cetak, penyiaran dan elektronik, interaksi dengan pemegang kepentingan dan program pendidikan, antara lainnya; dan
- mengukuhkan kerjasama yang sedia ada di kalangan pemegang kepentingan dan membina hubungan kerja dengan pemegang kepentingan berkaitan yang baharu.

Pelan komunikasi pelbagai tahun tersebut menyediakan pendekatan tiga serampang bagi mencapai objektif kesedaran jangka panjang serta berfungsi sebagai platform bagi strategi jangka panjang menerusi penggunaan pakai pelbagai inisiatif dan instrumen komunikasi. Bagi tujuan ini, Perbadanan akan terus menyebarkan maklumat secara terus, jelas dan mudah serta mengukuhkan penampilan jenamanya dan kesedaran mengenai Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Sebagai organisasi perlindungan konsumer kewangan, Perbadanan juga akan terus mendidik orang awam dan golongan khusus termasuk jurubank, ejen insurans, kakitangan Kerajaan serta generasi muda mengenai Sistem Insurans Deposit, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta peranan PIDM, dan pada masa yang sama, mendidik mereka mengenai kepentingan tabungan dan pengurusan kewangan yang berhemat. Perbadanan akan terus bekerjasama dan berinteraksi dengan pemegang kepentingan menerusi pelbagai aktiviti termasuk taklimat, sesi latihan dan seminar.

Berkenaan tahap kesedaran awam bagi 2012 dan 2013, Perbadanan menasarakn mencapai tahap sasaran seperti yang digariskan dalam Kad Skor Korporat 2012 - 2014. Sasaran-sasaran ini akan disemak semula tertakluk kepada keputusan kaji selidik konsumer seluruh negara akhir tahun bagi 2011.

## **Kad Skor Korporat 2012 - 2014**

Inisiatif korporat yang akan kami laksanakan dalam tempoh perancangan 2012 - 2014 dan sasaran masing-masing, digariskan dalam Kad Skor Korporat kami di halaman-halaman berikut. Kad Skor Korporat yang menggunakan pakai pendekatan Kad Skor Berimbang digunakan sebagai instrumen pengurusan prestasi bagi membantu kami memantau dan mengukur prestasi kami berbanding sasaran sepanjang tempoh perancangan. Kad Skor ini mentadbir hala tuju strategik kami dengan menyelaraskan objektif korporat, ukuran prestasi dan inisiatif kepada hala tuju tersebut. Rancangan kewangan yang menyokong pelan dan inisiatif kami terdapat di halaman 29 hingga 30 Rancangan Korporat ini.

Objektif Korporat		Petunjuk Prestasi Utama (PPU) / Inisiatif Korporat	Sasaran		
			2012	2013	2014
Pemegang Kepentingan	A	Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat 1. Indeks kesedaran awam: a. Kesedaran umum mengenai PIDM b. Kesedaran umum mengenai sistem insurans deposit c. Kesedaran umum mengenai sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans 2. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Pelan Komunikasi Bersepadu b. Program Pendidikan	39%	42%	45%
			35%	39%	42%
			20%	25%	
			Disempurnakan Dilaksanakan dan dipantau	Disempurnakan Dilaksanakan dan kajian semula	Disempurnakan Dilaksanakan dan kajian semula
B	Perkongsian efektif	3. Hubungan PIDM dengan: a. Bank Negara Malaysia b. Institusi ahli c. Penyedia perkhidmatan utama dan rakan kongsi strategik d. Penginsurans deposit lain e. Pemegang kepentingan lain 4. Menyertai forum antarabangsa 5. Menyokong Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan dan Alumni	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh Memuaskan	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh Memuaskan	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh Memuaskan
			Penyertaan aktif	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif
			Penyertaan aktif	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif
C	Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	6. Penilaian Lembaga Pengarah terhadap: a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai b. Polisi dan amalan utama yang dipatuhi c. Kualiti sokongan pengurusan kepada Lembaga Pengarah 7. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Polisi Pengurusan Risiko Organisasi Lembaga Pengarah b. Akta PIDM 2011	Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi
			Kajian semula dan dipertingkatkan Kajian semula	Kajian semula dan dipertingkatkan Kajian semula	Kajian semula dan dipertingkatkan -
Tadbir Urus dan Proses Dalam	D	8. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Rangka kerja Sistem Premium Berbeza, Jumlah Deposit Diinsuranskan, Sistem Levi Berbeza dan Jumlah Polisi Dilindungi: i. Mengkaji semula dan memantapkan peraturan-peraturan berkaitan Jumlah Deposit Diinsuranskan dan Sistem Premium Berbeza bagi Sistem Insurans Deposit ii. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja Sistem Levi Berbeza dan Penyata Jumlah Polisi Dilindungi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans: a(ii)(1). Rangka kerja Sistem Levi Berbeza a(ii)(2). Garis panduan dan peraturan-peraturan bagi Sistem Levi Berbeza a(ii)(3). Pengesahan pengawal selia terhadap Penyata Jumlah Polisi Dilindungi a(ii)(4). Pengesahan juruaudit luaran terhadap Penyata Jumlah Polisi Dilindungi b. Metodologi dan Rangka Kerja Penilaian dan Pemantauan Risiko: i. Memantapkan Sistem Penilaian Risiko bagi Sistem Insurans Deposit ii. Membangunkan Sistem Penilaian Risiko bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans c. Membangunkan dan melaksanakan Sistem Amaran Awal: i. Sistem Insurans Deposit ii. Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans d. Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan termasuk polisi, proses dan prosedur: i. Sistem Insurans Deposit: d(i)(1). Membangunkan dan melaksanakan komponen akhir aktiviti Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi bank-bank ahli d(i)(2). Membangunkan dan melaksanakan Sistem dan Model Penilaian ii. Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans: d(ii)(1). Meminda polisi dan prosedur Intervensi dan Resolusi Kegagalan untuk penggunaan pakai terhadap ahli penginsurans	Kajian semula	Dibangunkan dan dirundingkan	Dilaksanakan
			Dibangunkan dan dirundingkan Dibangunkan dan dirundingkan Dilaksanakan dan kajian semula -	Dilaksanakan Dilaksanakan Kajian semula Dibangunkan	Kajian semula Kajian semula -
			Dibangunkan dan dilaksanakan Dibangunkan	Kajian semula Dibangunkan dan dilaksanakan	Kajian semula dan dipertingkatkan Kajian semula dan dipertingkatkan
			Dibangunkan -	Dibangunkan dan disahkan Dikaji selidik	Dilaksanakan Dibangunkan
			Dibangunkan Dibangunkan	Disempurnakan Dibangunkan	Kajian semula Dibangunkan dan dilaksanakan
			Dibangunkan dan disempurnakan	Kajian semula	Dipertingkatkan

Objektif Korporat		Petunjuk Prestasi Utama (PPU) / Inisiatif Korporat	Sasaran		
			2012	2013	2014
Tadbir Urus dan Proses Dalam	D	Penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta keupayaan resolusi yang kukuh  e. Polisi dan peraturan: i. Sistem Insurans Deposit: e(i)(1). Garis panduan / peraturan faedah dan dividen boleh dibayar e(i)(2). Surcaj premium e(i)(3). Peraturan-Peraturan Terma dan Syarat Keahlian 2008 e(i)(4). Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Mengenai Insurans Deposit 2011 ii. Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans: e(ii)(1). Peraturan-Peraturan Terma dan Syarat Keahlian e(ii)(2). Peraturan-Peraturan Maklumat Mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans f. Menjalankan simulasi bagi: i. Pembayaran Balik Deposit ii. Intervensi dan Resolusi Kegagalan g. Menyempurnakan pembangunan program audit bagi memastikan integriti Data, Sistem dan Proses Pembayaran Balik Deposit bagi bank-bank ahli h. Membangunkan dan melaksanakan sistem, polisi dan prosedur pengurusan tuntutan bagi ahli penginsurans: i. Fasa 1a: Sistem Pendaftaran Produk ii. Fasa 1b: Sistem Pengurusan Tuntutan iii. Fasa 1c: Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi iv. Fasa 2: Sistem Pengurusan Pembayaran i. Program pematuhan institusi ahli	Dilaksanakan Disempurnakan Kajian semula dan dilaksanakan Kajian semula dan dilaksanakan	Kajian semula Kajian semula - Dipantau	Dipertingkatkan Dipertingkatkan - Dipantau
			Dilaksanakan Dikaji selidik	-	-
			Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan	Disempurnakan Disempurnakan Kajian semula dan dipertingkatkan	Disempurnakan Disempurnakan Kajian semula dan dipertingkatkan
			Dibangunkan Dikaji selidik Dikaji selidik Dikaji selidik Dilaksanakan	Dilaksanakan Dibangunkan Dibangunkan Dibangunkan Kajian semula dan dipertingkatkan	- Dilaksanakan Dilaksanakan Dilaksanakan -
			Disempurnakan Disempurnakan	Disempurnakan Disempurnakan	Disempurnakan Disempurnakan
			±10% perbezaan	±10% perbezaan	±10% perbezaan
			Kukuh	Kukuh	Kukuh
			75%	75%	75%
			Kajian semula dan dipertingkatkan -	- Dikaji selidik	- Dibangunkan
			Disempurnakan Disempurnakan Memperoleh tanah Kajian semula dan dipertingkatkan	Disempurnakan Disempurnakan Pembinaan Dilaksanakan	Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Kajian semula dan dipertingkatkan
Pembelajaran dan Pembangunan	F	14. Membangunkan dan melaksanakan pelan pembelajaran dan pembangunan tahunan	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
		15. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Menyepadukan rangka kerja Kecekapan dalam proses Modal Insan b. Polisi dan Prosedur Pengurusan Pengetahuan	Kajian semula dan dipertingkatkan Dibangunkan	Dilaksanakan Dilaksanakan	Dilaksanakan Kajian semula dan dipertingkatkan
	G	16. Indeks kepuasan kerja kakitangan (Tinjauan dijalankan dua tahun sekali)	-	75%	-
		17. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Melaksanakan program berkaitan kakitangan bagi menggalakkan persekitaran korporat yang kondusif	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan

## Rancangan Kewangan 2012

Rancangan kewangan kami dibangunkan untuk menyokong pencapaian inisiatif yang dirancang dan digariskan seperti berikut.

### A. Bajet Operasi

	2012 Bajet		2011 Unjuran*		2011 Bajet	
	RM'000	(%)	RM'000	(%)	RM'000	(%)
<b>Pendapatan</b>						
Premium	199,300	80	201,150	90	242,700	96
Pelaburan	49,400	20	22,386	10	11,000	4
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>248,700</b>	<b>100</b>	<b>223,536</b>	<b>100</b>	<b>253,700</b>	<b>100</b>
<b>Perbelanjaan Operasi</b>						
Gaji dan Manfaat	48,000	50	36,370	47	44,309	49
Am dan Pentadbiran	37,000	39	31,288	41	35,436	40
Komunikasi	10,000	11	8,967	12	9,755	11
<b>Jumlah Perbelanjaan Operasi</b>	<b>95,000</b>	<b>100</b>	<b>76,625</b>	<b>100</b>	<b>89,500</b>	<b>100</b>
<b>Lebih Bersih</b>	<b>153,700</b>		<b>146,911</b>		<b>164,200</b>	

### B. Bajet Modal

	2012 Bajet		2011 Unjuran*		2011 Bajet	
	RM'000	(%)	RM'000	(%)	RM'000	(%)
<b>Perbelanjaan Modal</b>						
Tanah dan Bangunan	7,000	32	-	-	-	-
Kenderaan Motor	-	-	5	0	-	-
Perabot, Kelengkapan dan Ubah Suai Pejabat	550	2	410	14	550	7
Sistem Komputer dan Peralatan Pejabat	14,650	66	2,490	86	6,950	93
<b>Jumlah Perbelanjaan Modal</b>	<b>22,200</b>	<b>100</b>	<b>2,905</b>	<b>100</b>	<b>7,500</b>	<b>100</b>

\*Unjuran 2011 = Sebenar (Jan-Okt 2011) + Unjuran (Nov-Dis 2011)

### C. Ulasan Bajet Operasi dan Modal

#### Pendapatan

- Premium yang dibajetkan bagi sistem insurans deposit pada 2012 adalah sebanyak RM115.1 juta, berdasarkan struktur kadar Sistem Premium Berbeza. Kami menjangka peningkatan penarafan beberapa bank ahli serta pertumbuhan sederhana dalam Jumlah Deposit Diinsuranskan.
- Kami juga menganggarkan bajet premium RM84.2 juta daripada ahli penginsurans kami di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Premium yang dibajetkan dianggarkan berdasarkan kadar sama rata yang diguna pakai dalam Jumlah Polisi Dilindungi. Jumlah Polisi Dilindungi dijangka meningkat secara sederhana pada 2012.
- Pendapatan pelaburan dibajetkan berdasarkan hasil pulangan pelaburan purata sebanyak 3.3%.

#### Perbelanjaan Operasi

- Kos gaji dan manfaat termasuk kos ganjaran tahunan bagi 148 kakitangan yang dirancang bagi 2012 dan mengambil kira kos pelarasan pasaran yang sejajar dengan polisi penggajian dan manfaat kami yang diluluskan. Sumber-sumber telah dirancang bagi memastikan pentadbiran Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dengan efektif, pelan pengurusan penggantian yang efektif serta memastikan kesediaan operasi.
- Sebahagian besar kos am dan pentadbiran adalah berkaitan dengan kos pentadbiran operasi harian kami. Peningkatan bajet adalah disebabkan kos tinggi berterusan yang berbangkit daripada infrastruktur pejabat yang dimantapkan, khususnya sewa pejabat, caj telekomunikasi dan utiliti. Kami juga telah merancang pemerolehan sumber yang perlu untuk menyokong semua inisiatif utama kami yang telah dikenal pasti bagi 2012, terutamanya bagi membangunkan kapasiti dan keupayaan dalam melaksanakan aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.
- Bagi 2012, Pelan Komunikasi Bersepadu pelbagai tahun kami akan terus memberi tumpuan terhadap peningkatan tahap kesedaran dan pemahaman mengenai PIDM. Kami akan terus melaksanakan program pendidikan kami bagi meningkatkan pemahaman awam mengenai insurans deposit serta perlindungan manfaat takaful dan insurans. Sumber-sumber bagi aktiviti komunikasi akan diperuntukkan untuk menyokong aktiviti komunikasi utama, iaitu kempen pengiklanan dan aktiviti perhubungan awam termasuk taklimat dan jerayawara serta interaksi dengan media.

#### Perbelanjaan Modal

- Perbelanjaan modal kami telah dirancang untuk menyokong inisiatif utama kami serta keberkesanan operasi menerusi pemantapan infrastruktur. Ini termasuk pembangunan Tapak Pemulihan Bencana yang tetap untuk PIDM bagi memastikan kesediaan operasi.
- Bahagian tumpuan utama lain termasuklah pengukuhan sistem pembayaran balik deposit dan sistem penilaian risiko serta sistem Teknologi Maklumat operasi yang lain.

#### D. Lembaran Imbangan Pro Forma

	2012 Bajet Jumlah	2011 Unjuran* Jumlah	2011 Bajet Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000
<b>ASET</b>			
Tunai dan kesetaraan tunai	3,473	4,773	8,757
Pelaburan	1,595,110	1,483,860	565,945
Aset lain	13,110	8,930	3,135
Hartanah dan peralatan	52,685	22,025	26,699
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>1,664,378</b>	<b>1,519,588</b>	<b>604,536</b>
<b>LIABILITI</b>			
Akaun belum bayar	8,512	17,422	14,656
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>8,512</b>	<b>17,422</b>	<b>14,656</b>
<b>KUMPULAN DANA DAN RIZAB</b>			
<b>KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT</b>			
Baki awal	518,880	430,733	425,680
Lebihan bagi tahun semasa	92,244	88,147	112,128
	611,124	518,880	537,808
<b>KUMPULAN DANA PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS</b>			
Baki awal	983,286	-	-
Lebihan bagi tahun semasa	61,456	983,286	52,072
	1,044,742	983,286	52,072
<b>JUMLAH KUMPULAN DANA PERLINDUNGAN</b>	<b>1,655,866</b>	<b>1,502,166</b>	<b>589,880</b>
<b>JUMLAH LIABILITI DAN KUMPULAN DANA PERLINDUNGAN</b>	<b>1,664,378</b>	<b>1,519,588</b>	<b>604,536</b>

\*Unjuran 2011 = Sebenar (Jan-Okt 2011) + Unjuran (Nov-Dis 2011)

#### E. Penyata Aliran Tunai Pro Forma

	2012 Bajet	2011 Unjuran*	2011 Bajet
	RM'000	RM'000	RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
Penerimaan premium daripada bank ahli, pengendali takaful dan syarikat insurans	199,300	201,150	242,700
Penerimaan daripada Kumpulan Dana Skim Jaminan Insurans	-	924,522	-
Penerimaan pendapatan pelaburan	49,400	15,404	8,800
Pembayaran semasa beroperasi kepada penyedia perkhidmatan dan kakitangan	(90,000)	(64,000)	(95,082)
<b>Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi</b>	<b>158,700</b>	<b>1,077,076</b>	<b>156,418</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>			
Hasil daripada jualan sekuriti pelaburan	700,000	500,000	554,944
Pembelian sekuriti pelaburan	(850,000)	(1,575,000)	(712,771)
Pembelian hartanah dan peralatan	(10,000)	(5,896)	(7,500)
<b>Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>	<b>(160,000)</b>	<b>(1,080,896)</b>	<b>(165,327)</b>
<b>(Pengurangan) / kenaikan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai</b>	<b>(1,300)</b>	<b>(3,820)</b>	<b>(8,909)</b>
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	4,773	8,593	17,666
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>3,473</b>	<b>4,773</b>	<b>8,757</b>

\*Unjuran 2011 = Sebenar (Jan-Okt 2011) + Unjuran (Nov-Dis 2011)





## Kesimpulan



# Kesimpulan

## Halangan Pencapaian Rancangan Korporat

Kami yakin dengan kemampuan kami bagi mencapai inisiatif yang dirancang seperti yang digariskan dalam Rancangan Korporat ini dengan komitmen daripada tenaga kerja kami yang berdedikasi, cekap dan berpengetahuan serta dengan adanya proses dan infrastruktur yang mantap untuk menyokong pencapaian Rancangan ini. Faktor-faktor lain yang juga memainkan peranan dalam membantu kami mencapai matlamat sejajar dengan pembangunan kapasiti dan keupayaan secara berterusan bagi memenuhi mandat kami termasuklah tadbir urus dan perancangan yang mampan, pembangunan dan latihan yang berterusan, hubungan kerja yang kukuh dengan penginsurans deposit lain serta kerjasama dengan pemegang kepentingan dan penyedia perkhidmatan utama.

Bagaimanapun, sekiranya berlaku intervensi dalam institusi ahli yang bermasalah atau kehilangan kakitangan penting, peristiwa seumpama itu berkemungkinan memerlukan pengutamaan semula inisiatif dirancang kami dan penyusunan semula pengutamaan sumber

tersedia kami pada tugas yang penting pada masa itu. Dalam menangani risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian Rancangan ini, kami telah membangunkan pelan tindakan berikut:

- sekiranya aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan berlaku semasa tempoh perancangan, kami akan membuat pengutamaan semula inisiatif kami dan menyelaraskan semula sumber kami dan pada masa yang sama, mengekalkan operasi semua fungsi kritikal; dan
- kami meneruskan pelaksanaan pelan pengurusan penggantian menyeluruh bagi jawatan-jawatan utama untuk memastikan impak kehilangan kakitangan penting dapat dikurangkan.

Meskipun peristiwa-peristiwa sedemikian adalah di luar kawalan kami, kami akan terus memantau persekitaran operasi bagi memastikan risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian Rancangan kami dapat diurus dan ditangani dengan berkesan.

---

## Ringkasan

Sejak penubuhannya pada 2005, PIDM telah membentuk dan menyelenggara rangka kerja tadbir urus, sistem kawalan dalaman dan asas operasi yang kukuh. Akta PIDM 2011 baharu, yang berkuat kuasa pada 31 Disember 2010, mempertanggungjawabkan Perbadanan dengan mandat, kuasa dan tanggungjawab yang lebih besar untuk menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dan meningkatkan keyakinan awam terhadapnya. Pada 2011, kami berjaya menyempurnakan sejumlah besar inisiatif berkaitan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta kempen kesedaran awam termasuklah inisiatif mendidik pemilik polisi insurans dan sijil takaful, sebagai tambahan kepada pendeposit.

Pengiktirafan kepada usaha, pencapaian dan sumbangan PIDM di dalam dan luar negara, dibuktikan dengan penganugerahan Organisasi Insurans Deposit Terbaik 2011 oleh Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa kepada Perbadanan. Anugerah ini, hasil daripada pencalonan PIDM buat kali ketiga, akan meningkatkan imej Perbadanan di peringkat antarabangsa dan

menempatkannya di kedudukan strategik ke arah pengiktirafan sebagai organisasi perlindungan konsumen kewangan dengan amalan terbaik.

Dalam tempoh perancangan 2012 - 2014, kami akan menggiatkan usaha kami untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan organisasi dengan menumpukan kepada kecakapan kakitangan, mengukuhkan kesediaan operasi Perbadanan serta menggalakkan kesedaran awam dan pendidikan dalam mandat dan aktiviti kami. Kami juga akan meneruskan pembangunan dan pelaksanaan polisi, proses, sistem dan infrastruktur yang perlu bagi operasi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta pada masa yang sama memantapkan dan mengukuhkan pelaksanaan amalan yang sedia ada bagi Sistem Insurans Deposit. Sejajar dengan usaha kami untuk menjadi organisasi yang ditadbir dan diurus dengan lebih baik agar pemegang kepentingan meyakini keupayaan kami bagi memenuhi mandat kami, kami meneruskan penggunaan pakai amalan terbaik dalam tadbir urus.

## Lampiran: Mengenai PIDM



# Lampiran: Mengenai PIDM

## Mengenai Perbadanan

PIDM ialah badan berkanun yang ditubuhkan pada 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM). Peranan kami di bawah Akta PIDM adalah untuk mentadbir dan menyediakan perlindungan insurans deposit bagi melindungi pendeposit serta mentadbir sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans bagi melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli.

Sebagai sebahagian penting daripada sistem jaringan keselamatan kewangan negara, kami mempunyai kuasa yang luas bagi menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan, menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang mantap dalam sistem kewangan, melaksanakan intervensi dan resolusi bagi institusi ahli bermasalah dan bertindak demi kepentingan pendeposit dan pemilik polisi insurans dan sijil takaful.

PIDM melapor kepada Parlimen menerusi Menteri Kewangan. Kami juga dikenali sebagai *Malaysia Deposit Insurance Corporation* (MDIC), terutamanya dalam konteks antarabangsa.

Perlindungan yang disediakan oleh PIDM terdiri daripada:

### **Sistem Insurans Deposit**

Melindungi pendeposit terhadap kehilangan deposit diinsuranskan yang disimpan di bank-bank ahli, sekiranya berlaku kegagalan bank ahli.

### **Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans**

Melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans terhadap kehilangan manfaat takaful atau insurans yang layak, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans.

## Mandat Kami

Mandat PIDM digariskan dalam Akta PIDM 2011 dan matlamatnya adalah untuk:

- mentadbir sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans;
- menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit dan menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans;
- menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Dalam mencapai mandat di bawah perenggan (b) dan (d), Perbadanan akan bertindak dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

## Institusi Ahli Kami

Institusi ahli PIDM terdiri daripada:

- bank perdagangan dan bank Islam, termasuk bank luar negara yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia, yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 atau Akta Bank Islam 1983; dan
- syarikat insurans dan pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 atau Akta Takaful 1984.

Pada 29 Disember 2011, institusi ahli PIDM adalah seperti berikut:

### Bank Perdagangan (25)

1. Affin Bank Berhad
2. Alliance Bank Malaysia Berhad
3. AmBank (M) Berhad
4. Bangkok Bank Berhad
5. Bank of America Malaysia Berhad
6. Bank of China (Malaysia) Berhad
7. Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Berhad
8. BNP Paribas Malaysia Berhad
9. CIMB Bank Berhad
10. Citibank Berhad \*
11. Deutsche Bank (Malaysia) Berhad \*
12. Hong Leong Bank Berhad
13. HSBC Bank Malaysia Berhad
14. Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad
15. J.P. Morgan Chase Bank Berhad
16. Malayan Banking Berhad
17. Mizuho Corporate Bank (Malaysia) Berhad
18. OCBC Bank (Malaysia) Berhad
19. Public Bank Berhad
20. RHB Bank Berhad
21. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
22. Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad (SMBCM)
23. The Bank of Nova Scotia Berhad
24. The Royal Bank of Scotland Berhad
25. United Overseas Bank (Malaysia) Berhad

*\*institusi ini menyediakan perkhidmatan perbankan Islam*

### Bank Islam (16)

1. Affin Islamic Bank Berhad
2. Alliance Islamic Bank Berhad
3. Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
4. Amlslamic Bank Berhad
5. Asian Finance Bank Berhad
6. Bank Islam Malaysia Berhad
7. Bank Muamalat Malaysia Berhad
8. CIMB Islamic Bank Berhad
9. Hong Leong Islamic Bank Berhad
10. HSBC Amanah Malaysia Berhad
11. Kuwait Finance House (M) Berhad
12. Maybank Islamic Berhad
13. OCBC Al-Amin Bank Berhad
14. Public Islamic Bank Berhad
15. RHB Islamic Bank Berhad
16. Standard Chartered Saadiq Berhad

### Syarikat Insurans (36)

1. ACE Synergy Insurance Berhad
2. Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad
3. Allianz Life Insurance Malaysia Berhad
4. American International Assurance Bhd.
5. AmG Insurance Berhad
6. AmLife Insurance Berhad
7. AXA Affin General Insurance Berhad
8. AXA Affin Life Insurance Berhad
9. Berjaya Sompo Insurance Berhad
10. Chartis Malaysia Insurance Berhad
11. CIMB Aviva Assurance Berhad
12. Etiqa Insurance Berhad
13. Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad
14. Hong Leong Assurance Berhad
15. ING Insurance Berhad
16. Jerneh Insurance Berhad
17. Kurnia Insurance (Malaysia) Berhad
18. Lonpac Insurance Berhad
19. Malaysian Assurance Alliance Berhad
20. Manulife Insurance Berhad
21. MCIS Zurich Insurance Berhad
22. MSIG Insurance (Malaysia) Bhd.
23. MUI Continental Insurance Berhad
24. Multi-Purpose Insurans Berhad
25. Oriental Capital Assurance Berhad
26. Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad
27. Pacific & Orient Insurance Co. Berhad
28. Progressive Insurance Berhad
29. Prudential Assurance Malaysia Berhad
30. QBE Insurance (Malaysia) Berhad
31. RHB Insurance Berhad
32. The Pacific Insurance Berhad
33. Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
34. Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
35. Uni.Asia General Insurance Berhad
36. Uni.Asia Life Assurance Berhad

### Pengendali Takaful (11)

1. AIA AFG Takaful Berhad
2. CIMB Aviva Takaful Berhad
3. Etiqa Takaful Berhad
4. Great Eastern Takaful Sdn. Bhd.
5. Hong Leong MSIG Takaful Berhad
6. HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn. Bhd.
7. ING PUBLIC Takaful Ehsan Berhad
8. MAA Takaful Berhad
9. Prudential BSN Takaful Berhad
10. Syarikat Takaful Malaysia Berhad
11. Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

## Lembaga Pengarah

PIDM ditadbir oleh tujuh orang ahli Lembaga Pengarah, dengan perwakilan seimbang daripada sektor awam dan swasta. Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas urusan dan hal ehwal PIDM.

Pengerusi bukan eksekutif mengetuai Lembaga Pengarah manakala wakil-wakil lain termasuk dua ahli *ex officio*, iaitu Gabenor Bank Negara Malaysia dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, seorang pengarah daripada sektor awam dan tiga orang pengarah daripada sektor swasta dengan seorang daripadanya mempunyai pengalaman berkaitan sektor perbankan dan kewangan. Pengerusi dan semua ahli bukan *ex officio* dilantik oleh Menteri Kewangan.



**Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad  
Haji Alias**  
Pengerusi



**Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti  
Akhtar Aziz**  
Ahli Lembaga Pengarah



**Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan  
Abdul Aziz Wan Abdullah**  
Ahli Lembaga Pengarah



**Dato' Halipah binti Esa**  
Ahli Lembaga Pengarah



**Encik George Anthony  
David Dass**  
Ahli Lembaga Pengarah



**Encik Lim Tian Huat**  
Ahli Lembaga Pengarah



**Encik Alex Foong Soo Hah**  
Ahli Lembaga Pengarah

## Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIDM dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang bukan ahli Lembaga Pengarah. Jawatankuasa itu merupakan forum perbincangan isu-isu berkaitan dengan pengurusan dan operasi harian PIDM. Ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua-Ketua Bahagian yang juga bertanggungjawab menyokong Lembaga Pengarah dalam memenuhi tanggungjawab tadbir urusnya. Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIDM bertujuan untuk memudahkan komunikasi yang efektif, kerjasama berpasukan, keupayaan menyesuaikan diri kepada perubahan dan kerjasama efektif dalam semua bidang kerja PIDM, serta bertindak sebagai saluran maklumat kepada semua kakitangan.



**Jean Pierre Sabourin**  
Ketua Pegawai Eksekutif



**Md Khairuddin  
bin Hj Arshad**  
Ketua Pegawai Operasi



**Lim Yam Poh**  
Kaunsel Am dan  
Setiausaha Korporat



**Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi**  
Ketua Pegawai Kewangan dan Pengurus  
Besarnya, Kewangan dan Pentadbiran



**Chong Chen Voon**  
Ketua Pegawai Risiko dan Pengurus  
Besarnya, Pengurusan Risiko Organisasi



**Noorida Baharuddin**  
Ketua Audit Dalaman dan Pengurus Besar,  
Audit dan Khidmat Perundingan



**Lee Yee Ming**  
Pengurus Besar,  
Polisi dan Antarabangsa



**Lim Kong Kuan**  
Pengurus Besar, Intervensi dan  
Resolusi Kegagalan



**Patricia Griffin**  
Pengurus Besar,  
Sumber Manusia



**Rafiz Azuan Abdullah**  
Pengurus Besar, Insurans,  
Penilaian dan Pemantauan Risiko



**Chua Ee Leen**  
Pengurus Besar,  
Perancangan Strategik



**Hasina Mohamed**  
Timbalan Pengurus Besar,  
Komunikasi dan Hal Ehwal Awam

## Hubungi Kami

### Untuk maklumat lanjut mengenai PIDM

---

- Hubungi Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan kami di:  
Talian Bebas Tol **1-800-88-1266**  
**8.30 pagi hingga 5.30 petang, Isnin hingga Jumaat**
- Layari laman web kami di **www.pidm.gov.my**
- Emel kepada **info@pidm.gov.my**
- Tulis kepada:  
**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam**  
**Perbadanan Insurans Deposit Malaysia**  
**Aras 12, Quill 7,**  
**No. 9, Jalan Stesen Sentral 5,**  
**Kuala Lumpur Sentral,**  
**50470 Kuala Lumpur**  
  
**Telefon: 603-2173 7436**  
**Faks: 603-2173 7527 / 2260 7432**